

Studio terbuka untuk seni adalah bersama komuniti di Pulau Lagaton, Pitas, Sabah

ABSTRAK

Kawasan pesisir, kepulauan dan pedalaman Sabah merupakan suatu ruang komuniti yang kaya dengan kearifan tradisi. Studio terbuka di lapangan pedalaman, pesisir dan kepulauan Sabah adalah merupakan suatu platform yang besar untuk diterokai bersama komuniti. Bagi pengamal dan penyelidik seni khususnya platform ini perlu dimenafaatkan kerana tidak semua yang dipelajari dalam platform formal "white box" mencukupi yang hanya berpaksi pada seorang sumber. Studio terbuka di lapangan, komuniti yang kaya dengan kearifan tempatan dan tradisi menjadi sumber ilmu dan pengetahuan yang hadir daripada pelbagai sudut. Komuniti Penduduk Kampung Pulau Lagaton, Pitas, Sabah yang mahir dengan kearifan tradisi merangkumi bidang seni arca, seni pertukangan perahu dan menganyam tipo (tikar mengkuang Bajau Laut). Studio terbuka ini memberi pendedahan kepada para pelajar dan masyarakat setempat mengenai prospek Seni Visual yang berpotensi sebagai produk keusahawanan, menjana pendapatan komuniti dan pelancongan. Memberi pemantapan ilmu Seni Visual dan membuka minda serta masyarakat tempatan tentang peranan Seni Visual sebagai penyumbang kepada keindahan persekitaran alam semulajadi, pemantapan ilmu, prospek bidang kerjaya Seni Visual. Ruangan studio terbuka juga menimbulkan minat pengetahuan tentang bidang Seni Visual yang lebih sangat luas. Menanamkan budaya kreativiti dan inovasi masyarakat dalam bidang Seni Visual yang akan melahirkan modal insan yang pengetahuan tinggi dan bermakna.